# PERKEMBANGAN SEBUAH BANDAR KECIL : KUALA KANGSAR

Ahmad Noorhani bin Abas : 5001

Latihan Ilmiah Ini Untuk Keperluan
Ijazah Muda Sastera U.K.M.

ARKIB
xb
FAC895
M22A286

HGX 412 : LATIHAN ILMIAH

# PERKEMBANGAN SEBUAH BANDAR KECIL : KUALA KANGSAR

Ahmad Noorhani bin Abas
5001
Tahun Akhir Sessi 1981/82

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Pengkhususan Geografi

Bimbingan : Prof. M. Aminul Islam dan En. Razali Ibrahim

# PRAKATA

Kajian ini hanya bertujuan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam pengkhususan Geografi. Dalam bidang ini terdapat dua cara pembelajaran yang berkesan iaitu melalui teoritikal dan praktikal. Terdapat dua falsafah mengenai sistem pembelajaran, pertama pembelajaran yang paling berkesan sekali ialah melalui kedua-dua media teori dan praktikal. Setelah mempelajari sesuatu secara teoritis, maka haruslah teori itu dipraktik di alam nyata untuk menguji samada teori tersebut boleh digunakan atau tidak. Kedua ialah pengajian geografi tidak semata-mata hanya kepada alam semulajadi tetapi merangkumi aspek-aspek manusia seperti tingkahlaku manusia terhadap alam sekitarnya. Ini bermakna bagaimana manusia mengatur ruang untuk digunakan sepenuh-penuhnya dan bagaimana masalah ruang boleh di atasi.

Skop kajian ini ialah penjelasan mengenai pembangunan sebuah bandar kecil iaitu satu kajian kes terhadap bandar Kuala Kangsar. Pembangunan

bandar ini dianalisakan dengan berbagai aspek iaitu aspek sejarah, ekonomi, sosial dan sikap masyarakat. Kajian ini dibahagikan kepada empat bab. Bab pertama ialah pengenalan yang membicarakan tentang pernyataan masalah dan bagaimana masalah itu hendak dikaji. Bab dua pula membicara tentang tinjauan umum urbanisasi di Malaysia, perubahan dan pembangunan bandar dan peranan serta fungsi yang dimainkan oleh bandar kecil. Bab ketiga ialah kajian kes mengenai pembangunan bandar Kuala Kangsar. Bab ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu peranannya sebagai bandar kecil, sejarah pembangunan dan faktor-faktor kemunduran. Bab keempat pula ialah membicarakan tentang kesimpulan dan rumusan mengenai kajian kes.

Bagaimanapun kajian ini adalah bersifat preliminari dengan itu ianya mempunyai kekurangan dari segi teknik, analisa dan bentuk. Sebaliknya diharap kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pengkaji-pengkaji lain yang dapat membuat kajian yang mendalam

Ahmad Noorhani
8hb. Februari 1982.

# PENGHARGAAN

Dengan ini saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada semua pensyarah-pensyarah Geografi dari sessi 1978/79 ke 1981/82 terutamanya Prof. M. Aminul Islam dan En. Razali Ibrahim yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjukajar bagi menjayakan kajian ini, tanpa bimbingan mereka kajian ini akan tidak berjaya dengan tidak sepertinya ini.

Saya juga berterimakasih kepada semua penuntut-penuntut tahun akhir pengkhususan Geografi sessi 1981/82 yang telah berkerjasama dengan sepenuhnya bagi menjayakan kajian ini dari awal hingga akhir.

Tidak ketinggalan juga saya mengucapkan terimakasih kepada penduduk-penduduk Kuala Kangsar dan sekitarnya yang telah menunjukkan minat kerjasama dan bersikap ingin menolong demi kepentingan bangsa dan negara. Mereka telah memberi penuh bantuan kepada saya bagi menjalankan kajian ini sehingga berjaya.

Penulis.

JADUAL KANDUNGAN


PRAKATA ... ... ii

PENGHARGAAN ... ... iv

JADUAL KANDUNGAN ... ... v

SENARAI JADUAL ... ... viii

SENARAI GAMBARAJAH ... ... ix

SENARAI PETA ... ... x

ABSTRAKS ... ... xi

BAB SATU: PENGENALAN ... ... 1

Pendahuluan ... 1

Pernyataan Permasalahan 3

Skop dan Tujuan Kajian 4

Methodologi ... 6

BAB DUA: TINJAUAN UMUM URBANISASI DI MALAYSIA 10

Pendahuluan ... 10

Urbanisasi ... 10

Sistem Urbanisasi di Malaysia 11

Perubahan Bandar-Bandar Secara Berbanding 15

Peranan dan Fungsi Bandar Kecil 22

Kemunduran Secara Teoritikal 25

BAB TIGA: KAJIAN KES - PERKEMBANGAN BANDAR KUALA KANGSAR 28

Pendahuluan ... 28

Kuala Kangsar Sebagai Bandar Kecil 28

Sebagai bandar diraja 30

Pusat pendidikan daerah 32

Pusat kraftangan besi dan tembikar 34

Sejarah Perkembangan Bandar Kuala Kangsar 35

Pertumbuhan selepas kemerdekaan 41

Faktor-faktor Kemunduran Bandar Kuala Kangsar 44

Latar pertanian tradisional 48

Corak perkembangan dan pertumbuhan bandar 54

Persepsi Orang Ramai Terhadap Bandar Ini 59

Cadangan pembangunan dari orang ramai 62

Membaiki faktor bandar dan bangunan 63

BAB EMPAT: KESIMPULAN DAN PENUTUP 66

LAMPIRAN ... ... 70

Lampiran A: Soalan-soalan Temuramah Untuk Responden 70

Lampiran B: Sumbangan dan Perubahan Setiap Bandar Daripada Jumlah Penduduk Bandar (melebihi 10,000) Bati Tahun-tahun 1957, 1970 dan 1980. 71

Lampiran C: Penduduk Bandar-bandar Di Malaysia (melebihi 10,000) Mengikut Banci Perumahan Dan Penduduk Bagi Tahun-tahun 1957, 1970 dan 1980. 75

Lampiran D: Jabatan Dan Perkhidmatan Awam Daerah Kuala Kangsar. 79

BIBLIOGRAFI 80

# SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 1: | Jumlah Penduduk Kumpulan Bandar Tahun-tahun 1957, 1970 Dan 1980. | 17 |
| Jadual 2: | Pertambahan Penduduk Bandar-bandar Terpilih Di Antara Tahun 1957 Dengan Tahun 1980. | 18 |
| Jadual 3: | Sumbangan Dan Perubahan Bandar Terpilih Daripada Jumlah Penduduk Bandar (melebihi 10,000) Bagi Tahun-tahun 1957, 1970 Dan 1980. | 20 |
| Jadual 4: | Sumbangan Kumpulan Bandar Tahun-tahun 1957, 1970 Dan 1980. | 21 |
| Jadual 5: | Bangunan Kekal Bandar-bandar Terpilih Tahun 1970. | 30 |
| Jadual 6: | Luas Kawasan Dan Jumlah Penduduk Bagi Majlis Daerah Kuala Kangsar. | 31 |
| Jadual 7: | Jumlah Penduduk Bandar Di Perak Sejak Tahun 1981. | 40 |
| Jadual 8: | Jumlah Rumah Kediaman Bandar Kuala Kangsar. | 42 |
| Jadual 9: | Banci Penduduk Bandar-bandar Terpilih Tahun-tahun 1957 - 1970 | 46 |
| Jadual 10: | Taburan Kilang, Nilai Kasar Pengeluaran Dan Pekerja-pekerja Bagi Tiap-tiap Daerah Negeri Perak 1970. | 50 |
| Jadual 11: | Luas Gunatanah (dalam ekar) Mengikut Jenis Bagi Tiap-tiap Daerah Negeri Perak 1970. | 51 |
| Jadual 12: | Penggunaan Tanah Pekebun Kecil Daerah Kuala Kangsar 1960 Dan 1970. | 52 |
| Jadual 13: | Komponen Penduduk Daerah K.Kangsar | 53 |

# SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 1: Saiz Susuntungkat Malaysia 1957, 1970 dan 1980. 13

SENARAI PETA

Peta 1: Kampung dan Pusat Petempatan Daerah Kuala Kangsar. 33

Peta 2: Kampung dan Pusat Tradisi Abad ke 18 37

Peta 3: Sistem Perhubungan di Perak Awal Abad 20. 38

Peta 4: Struktur Perbandaran Bandar Kuala Kangsar. 43

Peta 5: Bandar Kuala Kangsar 55

ABSTRAKS

Kuala Kangsar sebuah bandar kecil mempunyai fungsi yang terhad terhadap peranannya di kawasan sekeliling. Bolehlah dikatakan bahawa bandar ini menawarkan barangan dan perkhidmatan di peringkat rendah. Bandar ini merupakan sebuah bandar kecil di Malaysia yang mempunyai peranan terhad walaupun mempunyai beberapa keistimewaan seperti tempat kediaman resmi sultan yang memerintah.

Kerajaan telah menjalankan berbagai polisi dan dasar bagi membangunkan pertumbuhan ekonomi negara seperti dasar-dasar industrialisasi dan urbanisasi, pelbagaian ekonomi dan dasar menghapuskan kemiskinan dan membena semula faktor ekonomi dan sosial dalam Dasar Ekonomi Baru. Tetapi bandar ini tidak menunjukkan pembangunan yang positif samada pembangunan fizikal dan pertambahan penduduk.

Penjelasan mengenai pembangunan bandar ini dibuat secara menyeluruh dari sudut berbagai dimensi, dari perspektif sejarah pembangunan di mana data-data dikutip dari jurnal dan buku sejarah, dari

perspektif sikap dan persepsi di mana data-data diambil melalui temubual dari semua golongan masyarakat di bandar ini dan faktor-faktor kemunduran dilihat dari perstektif ekonomi dan penggunaan tanah di mana data-data diambil dari sumber-sumber yang disahkan oleh pihak tertentu seperti Lapuran Banci Penduduk dan Perumahan bagi tahun-tahun yang berkenaan. Kajian ini merupakan penjelasan yang mendalam mengenai pertumbuhan dan perkembangan sebuah bandar kecil di Malaysia.

Kemunduran bandar Kuala Kangsar ini adalah merupakan satu fenomina yang amat nyata di negara membangun dari implikasi ekonomi, sosial, politik dan budaya.

Penyelidikan ini merupakan kajian yang mendalam mengenai bandar Kuala Kangsar yang cuba menganalisakan peranannya terhadap kawasar latar, mengkaji sejarah latar belakang, memperlihatkan sebab-sebab dan faktor-faktor kemunduran dan akhirnya mengkaji sikap dan persepsi penduduk dan masyarakat tempatan mengenai pembangunan.